

M Nasir buat kejutan sambut hari jadi PM ketika konsert

Maestro muzik, Datuk M Nasir membuat kejutan dengan meraikan ulang tahun kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ke-77 pada Konsert Datuk M N45IR Cipta di Axiata Arena, Kuala Lumpur, kelmarin.

Pada mulanya Nasir membuat pengumuman mahu mempersembahkan lagu yang dicipta khas untuk Perdana Menteri.

Namun, Nasir kemudian memberitahu beliau mahu mendedangkan lagu ciptaan Allahyarham Tan Sri Ramlee.

Sebaik bait pertama lagu sambutan hari jadi berbunyi Allah selamatkan kamu' diperdengarkan, tumpuan terarah kepada Anwar yang berada di kerusi tetamu VIP di tingkat atas Axiata Arena.

Ketika itulah penonton menye-



Anwar menerima kejutan apabila dipersembahkan lagu Allah Selamatkan Kamu dan pulut kuning sempena hari lahirnya, ketika Konsert Datuk M Nasir Cipta di Axiata Arena, Bukit Jalil. (Foto BERNAMA)

dari kehadiran Anwar di konsert itu.

Selain menyanyikan lagu Allah Selamatkan Kamu, Nasir turut menghadiahkan pulut kuning kepada Anwar.

"Sebelum saya menyanyikan lagu yang ditujukan khas kepada seseorang ini, saya ingin menyanyikan lagu ini terlebih dahulu.

"Saya juga ada hadiahkan sesuatu untuk beliau tapi bukan kek, sebaliknya pulut kuning," katanya.

Anwar yang mengenakan persalinan persis pahlawan Melayu lengkap turut mengangkat tangan sebagai tanda ucapan terima kasih kepada Nasir.

Nasir terus menjentik emosi apabila meneruskan persembaha-

han dengan menyanyikan lagu Balada Seorang Teman sebagai tribute kepada pemimpin Hamas, Allahyarham Ismail Haniyeh.

Ketika menyanyikan lagu itu, layar gergasi di pentas menayangkan visual Anwar bertemu Allahyarham Haniyeh yang terbunuh di Tehran, Iran, baru-baru ini.

Menerusi konsert yang dibawa khas oleh Icon Entertainment itu, Nasir turut menghiburkan penonton dengan lagu ciptaannya yang diberi kepada Search, Alleycats, Datuk Awie, Allahyarham Seha, BPR, Kristal, Def Gab C dan Rahim Maarof.

Konsert Datuk M N45IR Cipta menterjemah perjalanan 45 tahun Nasir dalam dunia seni.